



100 PESERA PENGHULU TERIMA SAGUHATI DARIPADA KERAJAAN NEGERI

# Buletin بواليتین دارالنعيم MINGGUAN DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | RAMADAN 1446H | 09-13 MAC 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

MAJLIS IFTAR, MAKE COLEK DISAMBUT MERIAH PERANTAU KELANTAN

GOLONGAN OKU DISARAN HAFAZ AL-QURAN

PENGUNAAN GAJET BERLEBIHAN MENGUNDANG MASALAH KESIHATAN

## KELANTAN BANGUNKAN SENDIRI KB SENTRAL, BEROPERASI 2027

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 13 Mac –** Kerajaan Negeri Kelantan memutuskan untuk membangunkan sendiri projek KB Sentral selepas rundingan dengan syarikat Perak Transit tidak mencapai kata sepakat.

Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata keputusan itu dibuat bagi memastikan projek tersebut dapat disiapkan mengikut jadual, seiring dengan pembukaan perkhidmatan Laluhan Rel Pantai Timur (ECRL) pada 2027.

"Pihak kerajaan negeri telah mengadakan rundingan dengan Perak Transit minggu lalu, namun terdapat permintaan daripada syarikat tersebut yang tidak dapat dipenuhi.

"Perak Transit memang berkelebihan dan berpengalaman, tetapi berhadapan dengan kekangan



masa dan beberapa faktor lain.

"Justeru, kerajaan negeri mengambil keputusan untuk membangunkan sendiri KB Sentral bagi memastikan ia dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Exco di Mabna, pada Rabu.

Beliau menegaskan, kerajaan negeri tidak boleh menangguhkan

lagi pelaksanaan projek itu setelah sekian lama berbincang dengan Perak Transit.

"Keputusan ini dibuat selaras dengan komitmen kerajaan negeri untuk memastikan KB Sentral siap dan beroperasi menjelang 2027, serentak dengan ECRL.

"Oleh itu, tiada keperluan untuk terus berunding lebih lama dengan Perak Transit," jelasnya.

“

kerajaan negeri mengambil keputusan untuk membangunkan sendiri KB Sentral bagi memastikan ia dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan

Menurutnya lagi, kontraktor bagi projek berkenaan masih belum diputuskan dan perlu melalui beberapa prosedur sebelum pelantikan dibuat.

Sementara itu, Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin diberi tanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek tersebut.

## VIDEO PENYITAAN GERAI PENIAGA MPKB-BRI ADALAH VIDEO LAMA – EXCO KERAJAAN TEMPATAN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 12 Mac –** Video tular yang memaparkan tindakan penguatkuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) menyita gerai peniaga di Lembah Sireh merupakan rakaman lama yang

disebarkan semula.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Komoditi Kelantan YB Hilmi Abdullah berkata insiden tersebut berlaku sekitar tahun 2021 atau 2022, namun kembali ditularkan menerusi platform TikTok dan Facebook, sedangkan lokasi berkenaan kini telah berubah menjadi kawasan bazar Ramadan dan Aidilfitri.

"Kejadian tersebut sebenarnya berlaku sekitar tahun 2021 atau 2022 iaitu selepas COVID-19.

"Kini, lokasi tersebut di hadapan Lotus telah berubah wajah, menjadi bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri. Jika kita pergi hari ini, kawasan itu penuh dengan bazar

Ramadan dan menjadi lokasi utama berbuka puasa bagi warga Kota Bharu," katanya selepas Mesyuarat Exco di Mabna, hari ini.

Beliau turut menasihati orang ramai agar tidak terlibat dalam penyebaran maklumat tidak benar yang boleh mencetuskan kekeliruan.

"Kita elakkan daripada menjadi penyebab bertambahnya dosa di bulan Ramadan ini. Jangan terlibat dengan fitnah dan penyebaran berita yang tidak benar.

"Saya juga memohon agar rakyat menilai fakta sebenar dan tidak mudah percaya terhadap sesuatu yang diviralkan tanpa menyemak kesahihannya," ujarnya.

Dalam pada itu, YB Hilmi turut mengingatkan peniaga supaya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkua Tempatan (PBT).

"Peniaga perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kita tidak benarkan gerai dibuka secara sesuka hati, khususnya di atas rizab jalan.

"PBT telah menyediakan lokasi khas bagi peniaga berlesen, bagi memastikan kawalan kebersihan, kesihatan serta lalu lintas dapat dipantau dengan lebih baik. Ini juga bagi memastikan penduduk dapat mendapatkan juadah berbuka puasa di tempat yang telah ditetapkan," katanya.

# MLENGKAPI FORMULA KEMENANGAN: PENGAJARAN BADAR UNTUK PEJUANG ISLAM

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 12 Mac –

Peperangan Badar yang diabadikan dalam Surah al-Anfal merupakan pedoman abadi bagi umat Islam dalam mengatur strategi kemenangan.

Surah yang turut dikenali sebagai al-Qital, al-Furqan dan Badar tersebut menggariskan prinsip utama dalam meraih pertolongan Allah SWT.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, menegaskan bahawa kemenangan hakiki bukan sekadar berpaksikan strategi, tetapi bergantung sepe-nuhnya kepada pertolongan Allah SWT.

Beliau memetik firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal, ayat 64 yang bermaksud, "Wahai Nabi, cukuplah Allah menjadi Penolongmu, dan juga pengikut-pengikutmu dari orang-orang yang beriman."

Merujuk tafsir Syeikh Wahbah al-Zuhaili, Menteri Besar menjelaskan bahawa ayat 45 hingga 47 dalam surah berkenaan mengandungi enam kaedah utama yang menjadi

formula kemenangan dalam menghadapi cabaran.

Pertama, thabat atau keteguhan hati dalam menghadapi musuh. Seseorang pejuang tidak boleh goyah atau lari dari medan perjuangan, sebaliknya perlu berdiri teguh mempertahankan kebenaran.

Kedua, zikir dan doa yang berterusan kepada Allah SWT. Kebergantungan sepenuhnya kepada-Nya dengan mengingati-Nya melalui hati dan lisan serta merendahkan diri dalam doa merupakan kekuatan spiritual yang sangat penting.

Ketiga, disiplin dan ketataan terhadap perintah Allah dan Rasul. Selain itu, ketataan kepada pemimpin yang memimpin perjuangan juga merupakan elemen penting dalam mencapai kemenangan.

Keempat, kesatuan dan ukhuwah yang kukuh dalam kalangan anggota perjuangan. Perpecahan dan perselisihan hanya akan melemahkan barisan pertahanan, justeru perpaduan adalah kunci utama kejayaan.

Kelima, kesabaran dalam menghadapi ujian dan cabaran.



Kesabaran menjadi senjata utama yang perlu dimiliki setiap pejuang bagi memastikan perjuangan tidak terhenti di tengah jalan.

Keenam, menjauhi sifat tercela seperti takabbur, riyâ' dan bermegah-megah. Sifat-sifat negatif ini boleh merosakkan niat serta menghilangkan keberkatan dalam

perjuangan.

"Marilah kita menghayati penajaran daripada perang Badar al-Kubra serta siri-siri peperangan lain yang menjadi sumber kekuatan untuk istiqamah dalam perjuangan Islam," seru beliau menerusi Bingkisan Ramadan Juz 10 yang disiarkan di media sosial pada Selasa.

## PERANAN IMAM, KECANGGIHAN E-ZAKAT PACU KECEKAPAN AGIHAN



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 10 Mac - Kecekapan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam mengagihkan zakat semakin diperkuuh menerusi sistem e-Agihan, dengan sokongan aktif para imam dalam mengenal pasti serta membantu golongan

asnaf yang memerlukan.

Yang Dipertua MAIK YBM Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, inovasi digital itu bukan sahaja mempercepatkan proses permohonan dan kelulusan bantuan zakat, bahkan meningkatkan keyakinan pembayar zakat terhadap ketelusan pengagihan.

"Kejayaan sistem ini diiktiraf di peringkat nasional apabila MAIK menerima Anugerah Zakat Kebangsaan 2024 bagi kategori Inovasi Zakat Terbaik (Agihan). Pembangunan sistem e-Agihan ini selari dengan kemajuan teknologi semasa dan menyumbang kepada peningkatan permohonan bantuan," katanya ketika berucap pada

Majlis Iftar dan Apresiasi Pembayaran Zakat Tahun 2024 di sebuah hotel pada Ahad.

Dalam majlis itu juga seramai 30 asnaf menerima bakul makanan dan sumbangan lebaran sebagai usaha meringankan beban mereka menjelang Aidilfitri.

Beliau turut menegaskan bahawa keberkesanan pengagihan zakat turut diperkuuhkan menerusi peranan imam di peringkat negeri, bandar, jajahan dan mukim yang proaktif dalam menyantuni keperluan jemaah serta membantu golongan kurang berkemampuan.

Menurutnya, hasil komitmen berterusan itu, kutipan zakat tahun lalu mencatat sejarah baharu dengan peningkatan 15 peratus, mencecah lebih RM269 juta dalam pengagihan kepada asnaf di seluruh Kelantan.

K E S E J A H T E R A A N

# 100 PESARA PENGHULU TERIMA SAGUHATI DARIPADA KERAJAAN NEGERI

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 11 Mac – Seramai 100 pesara penghulu yang menamatkan perkhidmatan pada tahun 2024 menerima saguhati daripada Kerajaan Negeri Kelantan dalam satu majlis rasmi di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, pada Isnin.

Lima daripada penerima telah berkhidmat lebih 30 tahun, termasuk Tan Peri Tan Sulung dari Dewan Negeri Tawang yang mencatat rekod perkhidmatan selama 34 tahun. Beliau menerima saguhati berjumlah RM10,200 berdasarkan kadar RM300 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi Majlis Penghulu Negeri Kelantan, YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata pemberian saguhati ini sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan sumbangan para penghulu kepada kerajaan dan rakyat.

“Hari ini kerajaan menyampaikan sedikit saguhati kepada para penghulu yang bersara pada 2024



sebagai tanda penghargaan terhadap jasa mereka dalam berkhidmat kepada rakyat dan kerajaan. Urus Setia Penghulu turut menghimpunkan mereka sebagai simbolik bahawa hubungan antara kerajaan dan penghulu yang bersara tetap erat,” katanya.

Beliau turut mengakui bahawa imbuhan, gaji dan elaun yang diterima penghulu tidak setimpal dengan tanggungjawab besar yang mereka galas.

“Imbuhan, gaji atau elaun penghulu sebenarnya tidak sepadan dengan tugas mereka. Penghulu merupakan penghubung utama an-

tara rakyat dan kerajaan, serta memainkan peranan penting dalam menjaga imej wakil rakyat dan pentadbiran negeri,” jelasnya.

Beliau berharap para pesara penghulu terus menyumbang dengan berkongsi ilmu dan pengalaman mereka kepada generasi pelapis.

“Mantan penghulu mempunyai kedudukan yang lebih besar kerana mereka memiliki pengalaman luas. Oleh itu, mereka seharusnya mencerahkan ilmu kepada pengganti mereka untuk kesinambungan perkhidmatan kepada rakyat,” ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Urus

Setia Penghulu Zulkifli Mamat turut merakamkan penghargaan terhadap jasa para penghulu dan pesara penghulu yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi.

“Penghulu sentiasa berada di barisan hadapan dalam mendukung perjuangan kerajaan serta menyampaikan hasrat rakyat. Tugas ini penuh cabaran, namun mereka telah melaksanakannya dengan baik,” katanya.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN) serta Ahli-Ahli Majlis, Majlis Penghulu Negeri Kelantan.

## MAJLIS IFTAR, MAKE COLEK DISAMBUT MERIAH PERANTAU KELANTAN



Oleh: Farhan Fauzai

**SHAH ALAM**, 9 Mac – Majlis iftar dan Make Colek bersama pemimpin Kerajaan Negeri dan anak perantau sempena Ramadan 1446H berlangsung meriah di IDEAL Convention Centre (IDCC) dengan kehadiran 1,500 perantau Kelantan.

Program tahunan anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) dengan kerjasama Persatuan Anak Kelantan di Perantauan (PERAKAN) Malaysia itu dimulakan dengan sesi

tadarus al-Quran pimpinan Ahli Dewan Negeri (ADN) Tawang, YB Harun Ismail.

Majlis turut menampilkan beberapa tokoh dari pelbagai latar belakang sebagai wakil kluster masing-masing untuk menyampaikan ucapan.

Antaranya, Imam Kanan Masjid Negara, Al-Fadhl Ustaz Hassan Al-Fadli Abdul Rahman, Pengarah Arjunasukma Mohd Sulhie Jusoh, Presiden Persatuan Ikatan Mahasiswa Darulnaim (NAIM), Muhammad Afiq Azfar Azuan serta

Pengerusi MM Mega Maju Global Sdn. Bhd., Dato' Mazlan Mohammad.

Semua mereka menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana menyediakan platform bagi anak Kelantan di perantauan bertemu dan beramah mesra dengan pemimpin negeri.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud dalam ucapannya, menzahirkan kebanggaan dan keterujaan dengan sambutan yang luar biasa daripada per-

antau itu.

“Program seperti ini sentiasa diadakan bagi mengukuhkan hubungan baik di antara pimpinan negeri dan anak-anak Kelantan di perantauan,” katanya.

Beliau turut menyeru hadir agar melipat ganda amalan kebaikan sepanjang bulan Ramadan serta menjauhi perkara mungkar.

“Ramai dalam kalangan kita yang berpuasa tetapi hanya mendapat lapar dan dahaga kerana melakukan perkara yang membatalkan pahala puasa,” ujarnya.

Majlis diteruskan dengan jamuan berbuka puasa, solat Isyak dan solat tarawih berjemaah, sebelum diakhiri dengan sesi make colek bersama perantau.

Turut hadir, Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Fadzli Hassan, Mufti Wilayah Persekutuan Dato' Dr Lukman Abdullah, barisan Exco Kerajaan Negeri Kelantan serta Ahli Dewan Negeri (ADN).

# GOLONGAN OKU DISARAN HAFAZ AL-QURAN

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 11 Mac – Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), khususnya yang cacat penglihatan, disaran menghafaz al-Quran agar lebih dekat dengan Allah SWT sebagai golongan muqarrabun (yang hampir kepada-Nya).

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata individu cacat penglihatan dikurniakan keistimewaan tertentu, termasuk daya ingatan yang kuat yang boleh dimanfaatkan untuk menghafaz al-Quran.

"Setiap insan diberi kelebihan oleh Allah SWT, dan bagi golongan OKU cacat penglihatan, mereka dianugerahkan ingatan yang luar biasa. Gunakanlah keistimewaan ini untuk menghafaz al-Quran agar menjadi golongan muqarrabun yang sebenar."

"Namun, ada dalam kalangan kita yang kurang bijak memanfaatkan kelebihan ini, sebaliknya lebih cenderung mengajar mereka menyanyi atau bermain kugiran. Kita berharap masyarakat lebih peka dalam memberi sokongan dan dorongan kepada golongan ini untuk menghafaz al-Quran. Mereka juga lebih mudah menghafaz kerana tidak terbeban dengan dosa mata, berbanding orang yang celik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Mahabbah



Ramadan dan Berbuka Puasa OKU Bersama Pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan di Dewan Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (PUTIK), pada Isnin.

Sementara itu, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim memaklumkan bahawa jumlah OKU di Kelantan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kini mencecah 53,000 orang.

"Alhamdulillah, ini menunjukkan peningkatan kesedaran dalam kalangan keluarga yang mempunyai ahli OKU tentang kepentingan pendaftaran.

"Melalui pendaftaran, mereka berpeluang menerima pelbagai bantuan dan sokongan yang disediakan. Berbanding 20 tahun lalu, masyarakat sekarang lebih terbuka untuk mendaftar ahli keluarga mereka yang OKU.

"Dulu, ia satu perkara yang

sukar dibincangkan, tetapi hasil kesungguhan semua pihak dalam memberi penerangan, kini mereka lebih bersedia untuk tampil secara sukarela," katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan dalam majlis tersebut.

Dalam program itu, lebih 500 OKU pelbagai kategori diraikan dan menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Kelantan, membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap golongan istimewa ini selaras dengan dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

Menteri Besar turut mengimamkan solat Asar berjemaah bersama golongan OKU sebelum majlis berlangsung.

Turut hadir, Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Nor Asilah Mohamed Zin, Ahli-Ahli Dewan Negeri (ADN), Penyelia Dewan

“

Setiap insan diberi kelebihan oleh Allah SWT, dan bagi golongan OKU cacat penglihatan, mereka dianugerahkan ingatan yang luar biasa. Gunakanlah keistimewaan ini untuk menghafaz al-Quran agar menjadi golongan muqarrabun yang sebenar

Negeri, Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Ilvira Mohd Dasuki dan Yang Dipertua Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK), Osman Omar.

Dalam perkembangan lain, YB Rohani Ibrahim mengumumkan bahawa permohonan Skim Bantuan Pesakit Kanser Payudara Kelantan 2025, Tabung Usahawan Wanita 2025 dan Skim Cakna Suri 2025 kini dibuka.

Tarikh tutup permohonan bagi setiap skim adalah seperti berikut: Skim Bantuan Pesakit Kanser Payudara Kelantan – 30 April 2025, Tabung Usahawan Wanita – 24 April 2025 dan Skim Cakna Suri – 27 Mac 2025.

Permohonan boleh dibuat melalui agensi berkaitan bagi memastikan golongan yang layak menerima manfaat sepenuhnya daripada bantuan yang disediakan.



# MB, ISTERI SANTUNI RIBUAN RAKYAT BERIFTAR DI TEPI SUNGAI KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 12 Mac - Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud bersama isteri Datin Panglima Perang Ustazah Datin Wan Nor Hanita Wan Yaakob meluangkan masa menyantuni dan beriftar bersama rakyat di Dataran Tepi Sungai, Lembah Sireh pada Selasa.

Seawal pukul 5 petang, pengunjung sudah mula tiba untuk memilih lokasi strategik di tebing sungai. Berbekalkan tikar yang dihampar, mereka berehat sambil menghidangkan juadah berbuka yang dibawa sendiri atau dibeli dari bazar Ramadan berdekatan.

Dato' Mohd Nassuruddin mengaku keunikan lokasi tersebut dengan pemandangan matahari terbenam yang memukau, di samping suasana yang membangkitkan rasa kekitaan dan keharmonian masyarakat.

Sementara itu, timbalannya YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata waktu berbuka puasa adalah masa berkualiti yang harus dimanfaatkan sebaiknya, bukan sahaja untuk menikmati juadah tetapi juga untuk beribadah dan berekreasi bersama keluarga serta rakan-rakan.

"Kalau di Kota Bharu, tempat



yang popular adalah di tepi sungai Kelantan bersebelahan pasaraya AEON. Satu lagi di perkarian Masjid Muhammadi dan Madinah Ramadan.

"Ada beberapa tempat lain lagi. Setengahnya memang ada disediakan kemudahan solat berjemaah. Untung sungguh, dapat rekreasi bersama keluarga, berbuka juga bersama dan terus berjamaah Maghrib bersama. Untung dunia untung akhir-

irat," catatnya di laman sosial, hari ini.

Beliau juga berpesan agar khalayak memilih lokasi beriftar yang sesuai dan praktikal untuk menunaikan kewajipan sembahyang.

"Sebaiknya carilah tempat yang bukan sahaja bersih dan menarik bahkan mudah untuk terus menunaikan solat Maghrib secara berjamaah. Kita semua tahu waktunya antara solat Maghrib dan Isya'

sangat pendek. Dibimbangi terlepas pula kita dengan amal ibadat yang lebih afdal.

"Satu lagi pesanan saya, kebersihan hendaklah dijaga. Itu sifat orang beriman. Pastikan sisa-sisa makanan dan bahan buangan dibuang ditempat yang disediakan. Jika tidak ada, sediakan beg plastik dari rumah lagi. Pertengahan jalan pulang nanti bolehlah dibuang di tempat yang sesuai," ujarnya.

## PENGGUNAAN GAJET BERLEBIHAN MENGUNDANG MASALAH KESIHATAN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 12 Mac – Penggunaan gajet secara berlebihan dalam kalangan masyarakat semakin menjadi kebiasaan, sekali gus berpotensi mengundang pelbagai masalah kesihatan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud

berkata kajian yang dijalankan oleh London School of Hygiene & Tropical Medicine pada tahun 2011 mendapati hampir 92 peratus telefon bimbit mengandungi bakteria, dengan 16 peratus daripadanya dikenal pasti memiliki strain E-coli yang berbahaya.

"Keadaan ini lebih membimbangkan di negara beriklim lembap seperti Malaysia, di mana bakteria tersebut boleh bertahan lebih lama. Ini menimbulkan risiko kesihatan yang perlu dihindari," katanya menerusi ruangan "Tawasau" (Saling Berpesan) di media sosial miliknya pada Selasa.

Beliau turut menegaskan bahawa penggunaan gajet yang berlebihan memberi kesan negatif

terhadap kesihatan tubuh badan, terutama dalam jangka masa panjang.

"Gangguan tidur akibat cahaya biru (blue light) daripada skrin gajet, khususnya apabila digunakan lebih dua jam secara berturut-turut, boleh menjelaskan kesihatan mata."

"Selain itu, Carpal Tunnel Syndrome iaitu keradangan pada otot dan sendi, terutama di bahagian jari serta tangan, sering berlaku akibat penggunaan gajet yang berpanjangan," katanya.

Menurutnya lagi, ketagihan gajet bukan hanya membabitkan golongan muda, malah turut melibatkan warga emas yang boleh mengalami gangguan tidur serta

kesan sampingan lain.

"Penggunaan gajet secara berlebihan bukan sahaja menjelaskan pola tidur, malah boleh menyebabkan tekanan pada otot leher dan tulang belakang akibat postur badan yang tidak betul ketika menggunakannya," tambah beliau.

Sehubungan itu, YB Mohd Asri menyeru masyarakat agar lebih berwaspada terhadap kesan negatif penggunaan gajet secara berlebihan dan mengambil langkah mengawal penggunaannya.

"Kemudarat tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Kita bertanggungjawab menjaga diri sendiri dan mengelakkan sebarang bahaya, termasuk yang boleh menjaskan orang lain," tegasnya.

# TERIMA KASIH DATO' KAYA SETIA, TAHNIAH TENGKU KAYA PERKASA – MB KELANTAN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 9 Mac – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud hari ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Kaya Setia Dato' Nazran Muhammad yang bersara hari ini atas jasa dan sumbangannya sepanjang berkhidmat.

Dalam masa yang sama, Menteri Besar turut mengucapkan tahniah kepada Pegawai Kewangan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Mohamed Faziharudean Tengku Feisal atas pelantikan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang baharu berkuat kuasa 10 Mac 2025.

Menurut Menteri Besar, sumbangan Dato' Kaya Setia dalam

pentadbiran negeri amat dihargai dan akan dikenang.

“Segala jasa dan pandangan yang dikemukakan oleh Dato' Kaya Setia sepanjang beliau menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan amat dihargai dan, insya Allah, akan mendapat ganjaran di sisi Allah SWT.

“Saya juga mengalu-alukan sebarang pandangan serta nasihat daripada beliau demi kemajuan negeri Kelantan, walaupun sudah bersara. Diharapkan hubungan baik ini tidak terputus,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Jasamu Dikenang dan Penyerahan Tugas Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang berlangsung di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Sementara itu, Dato' Nazran Muhammad menyifatkan tempoh

hampir tujuh tahun beliau berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai satu pengalaman yang penuh cabaran.

“Alhamdulillah, segala usaha, perancangan dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan baik hasil kerjasama erat daripada rakan-rakan dalam pentadbiran negeri.

“Dalam setiap keputusan yang dibuat, saya sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dan negeri sebagai keutamaan bagi memastikan Kelantan terus membangun dengan acuan dan identitinya sendiri,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa pencapaian dan kemajuan negeri hari ini adalah hasil usaha bersepada seluruh jentera pentadbiran yang bekerja tanpa mengenal penat lelah.

Manakala, YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Mohamed Faziharudean pula menzahirkan penghargaan atas kepimpinan dan bimbingan Dato' Kaya Setia sepanjang tempoh beliau menerajui pentadbiran negeri.

“Banyak kejayaan yang dicapai di bawah kepimpinan Dato' Kaya Setia. Beliau bukan sahaja seorang pemimpin tetapi juga seorang men-

tor, rakan sejawat, dan sumber inspirasi kepada kami semua.

“Keikhlasan, dedikasi serta kebijaksanaan beliau dalam memimpin pentadbiran negeri akan terus menjadi legasi yang diwarisi dan dicontohi.

“Segala kecemerlangan yang diasaskan oleh beliau akan diteruskan dalam pentadbiran negeri Kelantan,” katanya.

Untuk rekod, Dato' Nazran Muhammad akan bersara pada 9 Mac 2025 selepas hampir tujuh tahun menerajui pentadbiran negeri sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Bermula 10 Mac 2025, jawatan tersebut akan disandang oleh YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Mohamed Faziharudean Tengku Feisal, manakala Dato' Rosnazli Mohd Amin dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baharu.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Penasihat Undang-Undang Negeri YB Dato' Idham Abdul Ghani, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN), ketua-ketua jajahan serta ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan.

## FENOMENA BERIFTAR DI DATARAN GUILLEMARD VIEW

Oleh: Norzana Razaly

**TANAH MERAH**, 9 Mac – Fenomena berbuka puasa di Dataran Guillemand semakin menjadi pilihan masyarakat sekitar.

Ada yang membawa juadah dari rumah, ada juga yang membeli makanan yang dijual di kawasan dataran.

Sambil menunggu waktu berbuka, kanak-kanak bermain riang di taman permainan yang disediakan, menambah keceriaan suasana.

Tatkala mentari senja melabuhkan tirai, suasana di pesisir Sungai Kusial itu berubah menjadi lebih syahdu.

Di tepian Sungai Kelantan yang mengalir tenang, berpuluhan keluarga berkumpul, menyantuni Ramadhan dengan menikmati juadah berbuka dalam suasana penuh kedamaian.

Bagi Zamzari Mat Yusoff dari



Kampung Bukit Nangka, Gual Ipoh, lokasi ikonik itu lebih daripada sekadar tempat bersantai.

Beliau mengakui pusat riadah itu adalah ruang untuk mengukuhkan kasih sayang keluarga, jauh dari hiruk-pikuk bandar.

“Dataran ini memberikan ketenangan bersama keluarga. Suasana sangat indah bila siang bertukar malam.

“Lampu dipasang di seki-

tar jambatan bemula pukul 7.00 malam hingga 12.30 tengah malam menambahkan seri, ditambah dengan pokok-pokok hiasan yang semakin mengindahkan pemandangan,” katanya ketika ditemui, semalam.

Lebih istimewa, katanya, tempat berkenaan dijaga dengan baik oleh Majlis Daerah Tanah Merah agar bersih, teratur, dan selesa bagi pengunjung.

Namun, Zamzari berpandangan bahawa kemudahan surau dan tandas awam wajar disediakan segera untuk kemudahan orang ramai yang hadir berbuka dan bersolat di kawasan ini.

“Dataran ini semakin mendapat sambutan. Jika ada surau dan tandas awam, pastinya lebih selesa untuk pengunjung, terutama keluarga yang datang bersama anak kecil,” ujarnya.

KEBERKATAN

# BTC PERKASA INDUSTRI AGROMAKANAN BERASASKAN KELAPA DARA

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM,** 13 Mac – Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd. (BTC), anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri bioteknologi kesihatan dengan memperkasa pengeluaran produk berasaskan kelapa dara.

Sehubungan itu, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail berbesar hati menerima kunjung hormat daripada pihak pengurusan dan pemasaran BTC di Mabna, hari ini.

Menurut Dato' Tuan Mohd. Saripudin, perbincangan strategik dua hala tersebut tertumpu kepada usaha memperluaskan sektor industri agromakanan berasaskan kelapa dara, termasuk penerokaan pasaran baharu dan inovasi produk kesihatan serta makanan tambahan.

"Harapan saya, pertemuan ini

akan membuka lebih banyak peluang perniagaan serta dapat menjana pekerjaan baharu kepada masyarakat," katanya.

Sementara itu, Pengurus BTC, Adyani Muhammad memaklumkan bahawa BTC menerusi jenama Nutrifera terus komited dalam menghasilkan pelbagai produk berasaskan minyak kelapa dara, yang terbukti berkhasiat dalam meningkatkan metabolisme dan sistem imunisasi badan.

"Antara produk utama Nutrifera ialah Kopi Minyak Kelapa Dara, yang diformulasi dengan minyak kelapa dara serta kopi Arabika berkualiti tinggi. Kopi ini kaya dengan antioksidan yang mampu membantu mengurangkan risiko penyakit kronik, termasuk kanser."

"Sebarang pertanyaan mengenai produk Nutrifera boleh diajukan melalui pautan <http://www.wasap.my/601110785551/Nutrifera>," jelasnya.



# GOLONGAN BIJAK, BERPENGARUH, BERAKAL PENTING UNTUK CEGAH KEMUNGKARAN


Oleh: Asyura Muhamad

**KOTA BHARU,** 13 Mac - Pentingnya orang yang berakal, berpengaruh dan berkuasa dalam sesebuah negeri untuk berfungsi dengan sebaiknya dalam hal mencegah kemungkaran dan mengajak masyarakat ke arah kebaikan.

Demikian ucapan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan ketika merasmikan Program Nur Ramadan Wanita Peringkat Negeri Kelantan yang berlangsung di Masjid Jamek Muhammadi Kota Bharu, hari ini.

"Hendaklah ada dalam kalangan kamu orang yang bijak, berpengaruh dan mempunyai kuasa iaitu pemimpin untuk mencegah daripada berlakunya kemungkaran dan mengajak ke arah kebaikan," jelas Dato' Dr Fadzli ketika mengulas ayat 116 dari surah Hud dalam petikan teks tadarus yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Tambahnya, jika tiada yang cerdik pandai untuk melakukan kerja tersebut maka rosaklah masyarakat



kita.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dengan kerjasama Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri

Kelantan (U-KeKwa) itu turut disempurnakan dengan kupasan teks tadarus bagi surah Hud daripada ayat 116 hingga 120 oleh Datin Panglima Perang Ustazah Datin Wan Norhanita Wan Yaacob.

Program rutin tahunan yang dahulunya dikenali sebagai Program Tadarus Wanita itu telah dihadiri kira-kira 750 wanita daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan negeri.



MB, ISTERI SANTUNI RIBUAN RAKYAT BERIETAR DI TEPI SUNGAI KELANTAN

Buletin دارالنعيم MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | RAMADAN 1446H | 09-13 MAC 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

## PERKAMPUNGAN RAMADAN MASJID KAMPUNG LAUT PERKUKUH NILAI KEROHANIAN KOMUNITI

Oleh: Norzana Razaly

TUMPAT, 11 Mac – Program Perkampungan Ramadan di Kelantan memperkuuh nilai kerohanian dalam komuniti, khususnya di Kampung Laut.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata konsep ‘Qaryah Ramadan’ yang diperkenalkan oleh Majlis Daerah Tumpat (MDT) selari dengan pendekatan yang pernah dilakukan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) menerusi Madinah Ramadan.

Beliau merakam ucapan tahniah kepada MDT atas inisiatif pengajuran program yang diperakuinya mampu memperkuuh nilai dakwah dan penghayatan al-Quran dalam kalangan masyarakat.

Katanya, Ramadan adalah bulan yang memuliakan Al-Quran. Masyarakat wajib melazimi bacaan dan tadabbur ayat-ayat suci sebagai mencontohi golongan salaf terdahulu yang hidupnya amat dekat



dengan Al-Quran.

“Seperti kata seorang ulama, ‘Jika kamu muah melihat bagaimana rapatnya umat terdahulu dengan Al-Quran, lihatlah bagaimana rapatnya umat hari ini dengan telefon bimbitnya,’” ujarnya ketika merasmikan Program Perkampungan Ramadan MDT siri ke-12 di Lamai Warisan Kampung Laut, pada Ahad.

Menurutnya lagi, Ramadan juga perlu dijadikan medan penghayatan solat justeru kebanyakan mereka

yang jauh daripada solat akan mengalami keruntuhan akhlak dan ketidaktenteraman jiwa.

“Di Kelantan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program Iqamat Solat sebagai inisiatif memastikan rakyat menjaga solat,” jelasnya.

Sementara itu, Yang Dipertua MDT Mohamad Nazwan Ismail memaklumkan bahawa program kerohanian di lokasi tumpuan pelancong itu adalah anjuran MDT menerusi Jawatankuasa Pembang-

gunan Islam, Belia dan Kebajikan dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Warisan Kampung Laut.

“Pelbagai pengisian rohaniah dan kebajikan telah dirangka, antaranya Tadarus Belia, Haflah dan Tilawah Al-Quran, Program Kongsi Rasa Ramadan, Himpunan Anak Muda Tamu Ramadan serta Majlis Penyampaian Sumbangan Perkampungan Ramadan.

“Program ini turut mendapat sokongan penuh daripada agensi seperti Pejabat Belia dan Sukan Daerah Tumpat, Pejabat Halaqat Kawasan Tumpat, Agensi Antidah Kebangsaan (AADK) Tumpat serta NGO seperti Kelab Beliawansis Tumpat dan Kelab Anak Muda Tumpat,” jelasnya.

Beliau turut merakam penghargaan kepada para dermawan yang menyumbang kepada Tabung Perkampungan Ramadan.

MDT dan Masjid Warisan Kampung Laut pula bertindak sebagai pemudah cara dalam menyampaikan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan.

